

19/04/2001

Pekerja, kesatuan perlu bersatu bantu kerajaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Cuepacs berpendapat pekerja dan kesatuan sekerja perlu bersatu membantu kerajaan mengatasi kelembapan ekonomi dan bukannya mengadakan mogok atau perhimpunan yang boleh menggugat keamanan negara.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata tidak ada sebab bagi pekerja atau kesatuan sekerja berpiket kerana membantah keputusan kerajaan mengenai kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Beliau berkata, mereka seharusnya bersatu membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi dan tidak mengadakan perhimpunan yang boleh menggugat keamanan dan ketenteraman.

Katanya, tindakan seumpama itu hanya menambah tekanan kepada kerajaan dan tidak menguntungkan pekerja.

"Kesatuan sekerja pula perlu rasional berhadapan dengan sesuatu masalah membabitkan pekerja dan tidak perlu meluahkan rasa tidak puas hati dengan berpiket," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Sambutan Hari Pekerja 2001 Anggota Sektor Awam anjuran bersama Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Turut hadir, Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan.

Sambutan itu akan diadakan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara yang akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok.

Siva berkata, kesatuan sekerja tidak perlu menunjukkan kekuatan dengan menggunakan pekerja sebagai senjata memperjuangkan hak asasi kesatuan dan pekerja.

Katanya, langkah terbaru yang diambil kerajaan menunjukkan sikap prihatin kerajaan sehingga sanggup menurut cadangan serta kehendak kesatuan sekerja.

Beliau berkata demikian ketika mengulas keputusan kerajaan memberi pilihan kepada pekerja sama ada mahu mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara pilihan daripada 11 peratus kepada sembilan peratus atau mengekalkan kadar caruman asal.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebelum ini mengumumkan akan berpiket 12 Mei depan bagi membantah penurunan kadar caruman wang KWSP daripada 11 peratus kepada sembilan peratus oleh kerajaan.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, sambutan hari pekerja pada tahun ini adalah sambutan rasmi kali pertama yang diadakan kakitangan awam.

Katanya, kerjasama antara Cuepacs dan JPA kali ini berkonsepkan perkongsian bijak pada alaf baru, serta menggambarkan kematangan semangat antara kedua-dua belah pihak.

(END)